



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UCAPAN

YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

AMANAT TAHUN BAHARU 2016

18 Januari 2016

Assalamualaikum WBT, Salam Hormat dan Salam *Soaring Upwards*.

(A) **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah keizinan Nya, dapat sama-sama kita berada di **Majlis Amanat Tahun Baharu 2016** ini.
 2. **TERIMA KASIH** diucapkan kepada semua yang hadir demi menjayakan majlis pagi ini dan **Selamat Tahun Baharu** diucapkan kepada seluruh warga kementerian, agensi dan institusi pendidikan tinggi (IPT).
 3. Semoga semuanya diberkati dan dikurniakan kekuatan mental dan fizikal bagi menyempurnakan tanggungjawab dan amanah pada tahun ini.
 4. Saya amat teruja untuk menyampaikan mandat pertama saya sebagai Menteri Pendidikan Tinggi.
 5. Besarlah harapan saya agar amanat memberi panduan kepada warga Pendidikan Tinggi untuk mengorak langkah dengan **lebih jelas**.
 - a. **Lebih jelas** ke arah mencapai aspirasi iaitu **menyediakan pendidikan tinggi yang terbaik bagi rakyat Malaysia**; dan
 - b. **Lebih jelas** dalam menjadikan pendidikan tinggi Malaysia **terkemuka di persada antarabangsa**.
-

(B) **TEMA & SUB TEMA**

6. Tema Amanat pada tahun ini ialah **PENDIDIKAN FLEKSIBEL**.
 7. Dalam konteks landskap pendidikan tinggi yang kian berubah dan berkembang, **Pendidikan Fleksibel** merupakan masa depan pendidikan tinggi negara dan membawa maksud akses pendidikan pada bila-bila masa, tanpa mengira tempat dan untuk semua lapisan masyarakat.
 8. Dalam kata mudah, ***anytime, anywhere, anyone***.
-

(C) **SOROTAN SOARING UPWARDS 2015**

9. 2015 merupakan tahun di mana 'lahirnya' istilah ***Soaring Upwards*** yang membawa maksud peningkatan berterusan.
10. Pada bulan **JANUARI**, lebih **50,000 sukarelawan IPT**, yang terdiri daripada mahasiswa, pensyarah dan staf, telah berjaya digerakkan dalam **Ops Pasca Banjir**. Ini merupakan usaha pengembelangan tenaga sukarelawan yang **terbesar dalam sejarah IPT**.
11. Pada bulan **FEBRUARI**, universiti Heriott-Watt telah dilancarkan, sekaligus membawa jumlah kampus cawangan universiti luar negara terkemuka di Malaysia kepada 9 - **tertinggi di Asia**. Dengan tertubuhnya juga **Asia School of Business** (hasil kerjasama MIT (Massachusetts Institute of Technology) dan BNM (Bank Negara Malaysia), ini **menandakan pengiktirafan kepada negara sebagai destinasi pendidikan tinggi berkualiti, bukan sahaja di rantau ini, tetapi juga di dunia**.
12. Pada bulan **FEBRUARI** juga, program **Public-Private Research Network (PPRN)** telah dilancarkan dan sehinggalah kini telah memudahcara kerjasama di antara **216 buah syarikat** dengan **218 kumpulan penyelidik** daripada **24 buah IPT** dalam menyelesaikan masalah industri.
13. Pada bulan **APRIL**, **Akademi Internet of Things (IoT)** hasil kerjasama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan Samsung dilancarkan. IoT merupakan **the next big thing** dalam industri teknologi dunia dan Akademi IoT ini merupakan yang **pertama seumpananya di dunia**.
14. **7 APRIL 2015** pula terpacat sebagai hari yang bersejarah apabila **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)]** dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri. PPPM PT bukan sahaja akan memacu pembangunan pendidikan tinggi negara, bahkan juga sepertimana disebut oleh YAB PM, "**PPPM (PT) merupakan satu Hala Tuju yang akan menentukan masa depan negara**".
15. **AWAL BULAN MEI**, **QS World University Rankings by Subjects** telah diumumkan. Buat julung kalinya, 2 Universiti Awam (**UA**) berjaya tersenarai dalam **top 50 in the world** mengikut subjek kepakarannya iaitu **USM (Universiti Sains Malaysia)** pada tangga ke-31 dunia bagi subjek **Sains Alam Sekitar**, dan **UM (Universiti Malaya)** pada tangga ke-32 dunia bagi subjek **Pengajian Pembangunan (Developmental Study)**.
16. Pada masa yang sama, **10 IPT awam dan swasta**, telah berjaya mendapat 26 subjek dalam kelompok 100 terbaik dan 200 terbaik di dunia!
17. **PERTENGAHAN 2015, Program CEO Fakulti** telah bermula dan ramai **tokoh-tokoh industri** telah mengambil bahagian seperti **Tan Sri Azman Mokhtar (Khazanah)**, **Dato' Seri Syed Zainal (COSMOS)**, **Dr Richard Parker (Rolls Royce)**, **Abraham Liu (Huawei)**, **Lee Sang Hoon (Samsung)**, **Azman Ismail (Shell)** dan **Michaela Dinboeck (Novartis)**.
18. **JULAI** merupakan bulan yang istimewa kerana **Kementerian Pendidikan Tinggi** diwujudkan semula. Saya dilantik sebagai Menteri Pendidikan Tinggi dan **YB Datuk Mary Yap Kain Ching** dilantik sebagai Timbalan Menteri KPT.
19. Pada bulan **OGOS**, 17 pelajar ditawarkan pekerjaan bersama **Projek MRT** negara setelah menamatkan latihan program **tunnel mechanic & electrician**, anjuran bersama **MMC-GAMUDA – KOLEJ KOMUNITI**. Kerjasama ini merupakan salah satu contoh **PPP (Public-Private Partnership)** berimpak tinggi.

20. **SEPTEMBER** agak rancak berbanding daripada bulan-bulan yang lain.
- a. Tirai terbuka apabila **14 penyelidik negara telah diiktiraf oleh *Thompson Reuters* sebagai “Top 1% Most Cited Researchers in the World”.**
 - b. Pada **7 SEPTEMBER 2015** pula, YAB Perdana Menteri telah melancarkan buku ***Playbook*** pertama dalam usaha Transformasi Universiti bertajuk “**UniTP Green Book: Enhancing University Board Governance and Effectiveness**”.
 - c. Sekitar masa ini juga, **4 buah Politeknik telah menerima akreditasi PINGAT EMAS daripada Asia Pacific Accreditation and Certification Council (APACC)**. Ini membawa jumlah keseluruhan Politeknik Malaysia yang mempunyai pingat emas kepada 7 buah, iaitu **tertinggi di Asia Tenggara**.
 - d. Politeknik Malaysia juga telah mengharumkan nama negara apabila memenangi **5 pingat Emas, 4 Perak dan 6 Gangsa di kejuaan *FIRA Robo World Cup ke-20* pada tahun 2015 di Korea**. Terima kasih kerana berjaya mengharumkan imej bola sepak negara.
19. Pada bulan **OKTOBER**, kita sekali lagi berbangga dengan kejayaan Universiti Penyelidikan negara, di mana Alhamdulillah, **UM telah berjaya menerobos benteng *top 150 in the world* dalam *QS World University Rankings***.
20. Disamping itu, 4 Universiti Penyelidikan yang lain telah disenaraikan sebagai ***Top 50 Universities Under 50 Years Old*** iaitu **USM (26), UTM (30), UKM (32), dan UPM (38)**.
21. Berapa IPTS juga menunjukkan pencapaian yang membanggakan.
- a. **Sunway University dan Universiti Teknologi Petronas (UTP)** berjaya mendapat “***QS 5-Star Rating***” dalam beberapa kategori termasuk ***Pengajaran, Pengantarabangsaan, Kebolehpasaran dan Inovasi***, sekaligus menempatkannya dalam kelompok yang sama seperti universiti terkemuka dunia seperti Princeton dan Stanford University.
 - b. UTP, Taylor’s University, MMU, Lim Kok Wing dan UNITEN pula antara IPTS yang tersenarai dalam lingkungan “***Top 151-300***” di Asia.
 - c. IPTS sememangnya telah mula mengorak langkah dalam ranking dunia. **TAHNAH DIUCAPKAN.**
21. Pada bulan **NOVEMBER**, 2 pelajar UiTM telah **mengharumkan nama negara** apabila **memenangi pertandingan *Cambridge Intervarsity Debate***, mengalahkan peserta-peserta daripada universiti terkemuka dunia seperti Oxford dan Cambridge. UIAM pula memenangi kategori ‘***English as a Second Language***’.
22. Pada bulan **NOVEMBER** juga, Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 selaku pengerusi ASEAN. Sehubungan itu, ***KUALA LUMPUR DECLARATION ON HIGHER EDUCATION*** telah dibentangkan dan diterima oleh semua negara ahli ASEAN.
- a. Malaysia akan menerajui dua (2) bidang utama iaitu ***TVET*** dan ***Mobility*** melalui ***Quality Assurance***.
 - b. Penerimaan deklarasi bersejarah ini sangat bermakna kepada **ASEAN KOMUNITI**, di mana pendidikan tinggi sebagai penggerak utamanya.

23. Pada akhir tahun 2015 jumlah pelajar antarabangsa di Malaysia telah melebihi 114,000. Pelajar antarabangsa telah menyumbang lebih **RM3.3 bilion** kepada pendapatan negara.
- Terima Kasih dan Tahniah diucapkan kepada **EMGS (Education Malaysia Global Services)** dan semua pihak yang telah berusaha mempromosi Malaysia dan dalam usaha memudahcara proses enrolmen pelajar antarabangsa.
 - Moga usaha diteruskan agar menjelang tahun 2020, sasaran kemasukan seramai **200,000** pelajar antarabangsa dengan sumbangan **RM15.6 bilion** kepada ekonomi negara tercapai.
24. Tidak boleh dilupakan juga, prestasi bayaran balik yang diterima oleh pihak **PTPTN** yang meningkat sehingga **RM1.448 bilion** pada tahun 2015.
- Keputusan **mewajibkan pemotongan gaji dan menyenarai-hitamkan peminjam yang enggan membayar balik**, walaupun kurang popular, namun **menunjukkan hasil yang positif demi masa depan anak-anak** yang bakal memasuki IPT dan akan memerlukan dana tersebut.
 - Saya berharap usaha ini diteruskan dan ditingkatkan pada 2016.
25. Hadirin yang dihormati, berikut merupakan kutipan beberapa kejayaan pada tahun 2015.
26. **TERIMA KASIH** saya ucapkan kepada semua – NC, TNC, LPU, Presiden Universiti, Ketua-ketua Eksekutif, Dekan, pensyarah, penyelidik, pelajar, wakil industri, sektor swasta, ibu bapa, Warga KPT, dan warga Pendidikan Tinggi keseluruhannya.
27. 2015 sememangnya merupakan tahun yang **SOARING UPWARDS**.

(D) (I) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: EKONOMI & KEWANGAN

28. Seterusnya, izinkan saya menyentuh beberapa cabaran dan isu 2016, bermula dengan ekonomi dan kewangan.
29. Bajet 2016 yang telah diumumkan pada Oktober 2015 telah mengambil kira keadaan ekonomi dunia yang mencabar akibat penurunan harga minyak mentah dan komoditi. Nampaknya, cabaran ini akan berterusan pada tahun 2016.
30. Walau apa pun yang akan berlaku, KPT dan warga IPT perlulah sentiasa **komited, bersatu dan terus berusaha gigih** untuk **membela nasib rakyat** serta **memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan**.
31. Sejak awal lagi pihak Kementerian telah mengambil langkah untuk **mengurangkan kebergantungan IPT kepada pembiayaan kerajaan** dan **meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan**.
32. Antara langkah yang diambil ialah:
- Memperkenalkan **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** bagi meningkatkan penjana pendapatan sejak beberapa tahun yang lepas; dan
 - Memperkenalkan beberapa strategi serta inisiatif keberhasilan utama di bawah **Lonjakan 5 PPPM (PT) Kemampanan Kewangan**.

33. Pada masa yang sama, **saya menyeru IPT** untuk terus mengambil langkah-langkah yang kreatif untuk menjana pendapatan. Antara usaha yang boleh diambil selaras dengan **Lonjakan 5 PPPM (PT)** termasuk:
- Mengukuhkan jalinan **alumni** di dalam dan luar negara;
 - Membuka **potensi aset**;
 - Mewujudkan ekosistem **keushawanan**;
 - Mewujudkan sistem kewangan **wakaf** dan **endowmen**; dan
 - Meningkatkan **pengkomersialan idea**.
-

(D)(II) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: TVET – UMUM

34. **Mengarusperdanakan** Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu fokus utama KPT pada tahun 2016, selaras dengan **Lonjakan 4 PPPM(PT)** iaitu '**Melahirkan Graduan TVET yang Berkualiti**.
35. Di bawah RMK11, **45% (225,000)** pelajar lepasan SPM disasarkan memasuki bidang TVET menjelang 2020 dan jumlah ini akan meningkat ke **301,000** menjelang tahun 2025. Pengambilan pelajar pada masa ini adalah sekitar **165,000** setiap tahun.
36. Sebanyak **1.5 juta pekerjaan** berasaskan TVET juga akan diwujudkan menjelang tahun 2020 dan ini menggambarkan betapa **pentingnya TVET** dalam lanskap pembangunan negara.
37. **Justeru, jumlah enrolmen dalam TVET perlu dipertingkatkan di peringkat Politeknik dan Kolej Komuniti.**
38. **Jaringan Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN), yang terdiri daripada UTeM, UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia), UniMAP (Universiti Malaysia Perlis) dan UMP (Universiti Malaysia Pahang), juga perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti TVET di peringkat Pendidikan Tinggi, terutamanya dalam melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja berkualiti, tetapi juga BERINOVASI.**
-

(D)(III) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: TVET – POLITEKNIK

39. Apabila kita menyebut tentang TVET, maka perlulah kita menyentuh tentang Politeknik dan Kolej Komuniti.
40. Di akhir 2015, sejumlah **96,069 orang pelajar** mengikuti **92 program** pengajian di **34 buah Politeknik** seluruh negara. Manakala tenaga pengajar di Politeknik berjumlah **7,916** orang.
41. Mulai sesi Disember 2015, politeknik terbaru iaitu **Politeknik Besut, Terengganu**, telah membuat pengambilan sulungnya.
42. Pada tahun 2016, Jabatan Pendidikan Politeknik akan mempertingkatkan pengambilan pelajar dengan **penubuhan politeknik baharu** di **Bagan Datoh (yang berfokus kepada bidang Industri**

Perkapalan), Seri Menanti (bidang Pengurusan Resort) dan Politeknik METrO Tawau (industri perkhidmatan).

43. Politeknik secara keseluruhannya menasaskan enrolmen akan melebihi **100,000** menjelang tahun 2020 agar lebih ramai lepasan SPM berpeluang mengikuti TVET.
44. Pada tahun ini juga, Politeknik akan meningkatkan usaha penubuhan beberapa **Pusat Berteknologi Tinggi Malaysia-Korea (*Centres of Technology*)** di bawah inisiatif Dasar Pandang Ke Timur Gelombang Kedua (*Look East Policy, Wave 2*). Nidang kerjasama yang dijalinan merangkumi **bidang automotif, telekomunikasi dan robotik, serta bidang IT.**
45. Selaras dengan hasrat meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa, daya saing dan memperkasakan Politeknik Malaysia, **saya dengan bangganya mengumumkan bahawa mulai tahun 2016, pelajar dari negara ASEAN berpeluang untuk mengikuti program pengajian sepenuh masa di tiga buah Politeknik Premier iaitu di Ipoh, Shah Alam dan Johor Bahru. Politeknik menasaskan pengambilan pelajar luar negara sehingga dua peratus enrolmen pelajar menjelang tahun 2020.**

(D)(IV) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: TVET – KOLEJ KOMUNITI

46. Bagi Kolej Komuniti pula, sehingga November 2015, terdapat **94** buah Kolej Komuniti dengan enrolmen sejumlah **18,529 orang pelajar** dan tenaga pengajar seramai **2,836** orang seluruh negara.
47. Kolej Komuniti berperanan untuk menyediakan peluang dan ruang akses kepada pendidikan formal dan tidak formal bagi **pembangunan ekonomi masyarakat setempat.**
48. Kolej Komuniti juga merupakan **Hab Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH)** dan **Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH)** yang **dijangkakan berkembang sebanyak 10%** pada tahun ini.
49. Dalam usaha **menerajui pendidikan fleksibel**, pada tahun 2016 Kolej Komuniti akan:
 - a. Menambah 4 lagi program berimpak tinggi di peringkat **Diploma** yang menggunakan kaedah pengajian secara **Work-Based Learning (WBL)** (menjadikan jumlah keseluruhan 15 program); dan
 - b. Menawarkan **program bersifat modular dan bertindan (stackable).**
50. **Di sini juga, dalam usaha mengupayakan rakyat melalui pendidikan tinggi, sukacita saya mengumumkan bahawa Kolej Komuniti akan menerajui projek pembinaan Rumah Kos Rendah menggunakan teknologi komposit dengan kos seunit rumah kurang RM20,000.00.**
51. InsyaAllah, kejayaan projek ini akan mengubah nasib rakyat golongan miskin di negara.

(D)(VI) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: PELAJAR

52. Pembangunan pelajar merupakan fokus utama PPPM (PT). Tiada yang lebih penting daripada pelajar dan itulah sebabnya **Lonjakan 1 PPPM (PT)** berhasrat **melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan, dan seimbang.**

Pentaksiran & Pelaporan Bersepadu iCGPA

53. Bagi memastikan hasrat ini tercapai, kerajaan telah **memulakan projek rintis** inisiatif **iCGPA (Intergrated Cumulative Grade Point Average)** pada September 2015.
54. iCGPA berfungsi sebagai mekanisma pentaksiran dan pelaporan, dalam bentuk **Spider Web**, yang akan mengambil kira pembangunan pelajar dari segi adab, keilmuan dan keupayaan merentasi **8 domain.**
55. Pada tahun 2016 ini, saya **menyeru kesemua universiti** untuk melakukan transformasi **reka bentuk kurikulum** agar lebih komprehensif dan relevan, serta bersedia untuk memenuhi keperluan iCGPA.

iCGPA: Kesukarelawanan

56. Salah satu domain yang akan dinilai dibawah iCGPA adalah **kesukarelawanan.**
57. Kesukarelawanan memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang kepada masyarakat dan meningkatkan kualiti kehidupan Rakyat.
58. Sekiranya kesemua **1.2 juta pelajar IPT** menyertai aktiviti kesukarelawanan, bayangkan manfaat yang boleh diperolehi masyarakat.
59. **Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS)** merupakan contoh terbaik di mana sukarelawan YSS berpeluang ke Sabah, Laos, Cambodia serta banyak lagi tempat, dan mereka telah **berjaya mengubah kehidupan komuniti setempat.**
60. Terdapat pelbagai aktiviti kesukarelawanan yang boleh disertai pelajar, dan **pada tahun 2016 ini, saya menyeru setiap universiti menyediakan kerangka pengiktirafan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan** bagi menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan.

Penawaran Program Fleksibel: 2U2i

61. Dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran, ketersediaan dan kemahiran pelajar IPT untuk alam pekerjaan, pengalaman industri amat penting sekali.
62. **Itulah sebabnya mulai tahun 2016, program 2U2i (2 University + 2 Industri) akan dilaksanakan.**
63. **2u2i** merupakan program **Work Based Learning (belajar sambil bekerja)** di mana pelajar akan belajar selama dua tahun di universiti dan dua tahun menimba pengalaman industri.
64. Tahun 2016 akan menyaksikan **UMK (Universiti Malaysia Kelantan)** dan **UPM (Universiti Putra Malaysia)** **menawarkan program 2U2i ini.**

- a. UMK mensasarkan pelajar menimba pengalaman keusahawanan bersama industri kecil dan sederhana pada tahun ke-3, dan pada tahun ke-4 pula, pelajar akan fokus kepada menjalankan perniagaan sendiri.
- b. UPM pula akan menempatkan pelajar mereka di ekosistem perladangan pada dua tahun terakhir pengajian mereka.

Kebajikan Pelajar

65. Saya ingin mengambil peluang ini juga untuk mengingatkan warga IPT agar jangan lupa akan isu kebajikan pelajar, dan sentiasa prihatin akan kekangan yang dihadapi mereka. Ambillah inisiatif untuk mengenalpasti pelajar dalam kesusahan dan yang mungkin memerlukan bantuan kita.
66. Baru-baru ini memang timbulnya isu kebajikan, dan saya ingin mengucapkan **TERIMA KASIH kepada warga IPT** yang bersungguh-sungguh menjaga kebajikan pelajar. Moga usaha diberkati dan diteruskan.
67. PPPM (PT) tidak lagi menggunakan istilah '*human capital*' di dalamnya. Ini adalah kerana **kita mahu berganjak daripada istilah melahirkan '*human capital*' kepada melahirkan '*human beings*'**.
68. Sesungguhnya, peranan IPT adalah untuk melahirkan insan demi masa depan negara.

(D)(VII) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: PENSYARAH

69. Pensyarah dan pegawai sokongan merupakan ***nadi dan roh (heart and soul)*** kepada pendidikan tinggi.
70. Seperti yang telah digariskan dalam **Lonjakan 2 PPPM PT iaitu Kecemerlangan Bakat**, universiti perlu memperkenalkan **empat laluan kerjaya** yang akan memberi peluang kepada setiap ahli akademik untuk merancang masa depan kerjaya masing-masing. Laluan yang dimaksudkan ialah:
 - a. Pengajaran
 - b. Penyelidikan
 - c. Kepimpinan institusi; dan
 - d. Pengamal Profesional
71. Kementerian telah pun membuat penurunan kuasa autonomi kepada universiti awam untuk melaksanakan 4 jenis laluan kerjaya ini.
72. Pihak KPT juga sedang menyediakan **Buku Panduan '*Strengthening Career Pathways and Leadership Development*'** bagi membantu universiti membangunkan 4 laluan kerjaya ini.
73. Kepelbagaian ini akan merangsang inovasi serta memperkayakan budaya kecemerlangan komuniti akademik.
74. Di bawah trek pengamal profesional, saya berbesar hati mengumumkan fasa ke-2 **PROGRAM CEO FAKULTI yang akan dikembangkan dengan penyertaan 19 KETUA EKSEKUTIF syarikat**

berkaitan kerajaan, dan 10 pegawai tinggi daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, termasuk Ketua Setiausaha Negara (KSN).

- a. Besar harapan saya bahawa dengan penyertaan mereka, pelajar cemerlang akan terdorong untuk menyertai perkhidmatan awam, sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan awam negara!

(D)(VIII) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: KERJASAMA INDUSTRI - AKADEMIA - KOMUNITI – KERAJAAN

75. Malaysia berhasrat menjadikan inovasi sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara dan membangunkan **ekosistem inovasi** merupakan **lonjakan 7 PPPM (PT)**.
76. Melalui pendekatan **quadruple helix** ataupun **konsep lingkaran empat pihak**, pengembelian tenaga antara akademik, industri, kerajaan dan komuniti akan mewujudkan **pemindahan pengetahuan (knowledge exchange)** bagi menjana pertumbuhan dalam bidang keutamaan negara.
77. Pada tahun 2015, antara kerjasama yang telah membuahkan kejayaan ialah **Knowledge Transfer Centre Toray-USM, Kursi Perbankan dan Kewangan UUM-CIMB, Akademi IoT UTeM-Samsung** dan inisiatif **MyInnovationHub**.
78. Disamping itu, KPT sedang menambah baik garis panduan penempatan silang akademik-industri (**Cross-Fertilisation**) bagi meningkatkan aktiviti kerjasama.
79. **Pada tahun 2016, saya menyeru IPT untuk memberi fokus kepada kerjasama inovasi yang membawa kepada pengkomersialan idea (commercialisation of Ideas).**
- a. Dalam konteks inovasi, hasil penyelidikan R&D dapat membawa kepada **pengkomersialan produk** dan **pengkomersialan idea**.
- b. Pengkomersialan idea adalah apabila IPT memberi perkhidmatan sebagai **perunding pakar dan solutions provider kepada industri**, menyampaikan latihan, menerbitkan buku, dan menjalani kontrak penyelidikan.
80. Antara tahun 2007 dan 2011 ROI daripada **pengkomersialan idea** adalah sebanyak **RM 1.25 billion** dan ini merupakan **sumber menjana pendapatan yang lumayan dan berpotensi tinggi kepada IPT dan negara**.
81. InshaAllah, melalui pendekatan **Quadruple Helix** dan **pengkomersialan idea**, Rakyat Malaysia akan dapat merasai manfaat hasil pendidikan tinggi dengan lebih nyata lagi.

(D)(IX) MENGHADAPI CABARAN & ISU 2016: PENYELIDIKAN

82. Baru-baru ini, dalam laporan bertajuk **“ASEAN Research Landscape”** yang diterbitkan oleh Thompson Reuters, dapatan menunjukkan bahawa **landskap penyelidikan Malaysia telah tumbuh sebanyak 594% antara tahun 2005-2014**.

83. Pertumbuhan Malaysia berkali ganda melebihi ASEAN iaitu 189%, USA 34%, EU 46% dan dunia 36%.
84. Alhamdulillah, ini menunjukkan bahawa pelaburan kerajaan ke dalam usaha-usaha penyelidikan terutanya projek Universiti Penyelidikan sejak hampir 10 tahun lalu kini membuahkan hasil.
85. **Penyelidikan telah berjaya dibudayakan di universiti.** Lantaran itu, **Universiti Penyelidikan akan terus diberikan suntikan dana** untuk melaksanakan aktiviti RDCI yang berlandaskan kepada penghasilan bakat, kecemerlangan penyelidikan dan penjanaaan kekayaan berpaksikan rakyat (people growth).
86. Sehubungan itu, program penyelidikan fundamental (Fundamental Research programmes) yang diterajui oleh KPT amat penting bagi penghasilan ilmu secara berterusan. Walaupun kita maklum senario ekonomi semasa, **sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa geran penyelidikan bagi tahun 2016 KEKAL kepada RM470 juta.**
87. Kita akan membuat penjajaran program penyelidikan supaya berfokus kepada **sektor keutamaan Negara** termasuk Bottom 40, Perbankan Islam, Penyakit Tropika dan pemerikasaan belia serta kewarganegaraan and warisan.
88. Penyelidikan yang **dipacu-industri** dan **dipacu-permintaan** akan ditingkatkan untuk menyelesaikan permasalahan tertentu sektor industri dan komuniti.
-

(E) MOVING FORWARD 2016 – PPPM PT

89. Dalam usaha untuk melaksanakan PPPM (PT) dengan lebih berkesan, Lonjakan 10 iaitu **Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi** menggariskan satu lagi inisiatif keberhasilan utama iaitu **Program Transformasi Universiti** ataupun **University Transformation Programme – UniTP**.
90. Satu daripada lapan elemen UniTP adalah penyediaan lima “**Playbooks**” atau Buku Panduan bagi membantu IPT mentransformasikan institusi masing-masing. **Buku Panduan akan dilancarkan secara berkala pada tahun ini dan berfokuskan kepada:**
- a. **Governans dan Kecekapan Lembaga Universiti;**
 - b. **Produktiviti dan Kewangan;**
 - c. **Trek kerjaya dan pembangunan kepimpinan;**
 - d. **Pengurusan prestasi dan pelaporan kewangan; dan**
 - e. **Penjanaaan dana dan endowmen.**
91. Dengan ini, setiap institusi, samada UA, IPTS, Politeknik ataupun Kolej Komuniti haruslah membangunkan dan memantapkan pelan transformasi masing-masing dengan merujuk kepada *Playbooks* tersebut sebagai panduan pelaksanaan.
92. **Selaras dengan pemantapan Transformasi Universiti dan penambahbaikan sistem penyampaian KPT, saya dengan bangganya mengumumkan bahawa:**

- a. MQA telah bersetuju untuk menerima keputusan Saringan Awal JPT sebelum Universiti Awam dan IPTS menyerahkan permohonan Akreditasi kepada MQA; dan
 - b. MQA telah bersetuju menghapuskan keperluan mendapat 'Certificate of Quality Compliance (CQC)' bermula tahun ini; dan
93. Sekiranya perkara ini berjaya dilaksanakan saya yakin MQA boleh menilai program dalam tempoh yang singkat dari tempoh piagam pelanggan yang sedia ada.
94. Bagi IPTS pula, pada tahun lalu, KPT telah melaksanakan Audit Pematuhan untuk memastikan IPTS mematuhi peraturan dan peruntukan perundangan pendidikan tinggi. Sukacita diumumkan bagi tahun 2015, 86% IPTS yang diaudit mematuhi peruntukan Akta IPTS 1996 (Akta 555) dan Peraturan-peraturan dibawah akta tersebut. Tahniah kepada IPTS yang berkenaan.

(F) MOVING FORWARD 2016 – PENDIDIKAN FLEKSIBEL

95. Pendidikan sentiasa mengalami evolusi, semenjak penciptaan manusia pertama, iaitu Nabi Adam A.S., pendidikan pada awalnya berbentuk **tidak formal**.
96. Manusia menyampaikan ilmu kepada satu sama lain di masjid, gereja dan istana. Sememangnya, universiti pertama di dunia bermula daripada masjid, iaitu **University al-Qarawiyyin** di Fes, Morocco yang diasaskan oleh wanita bernama Fatima al-Fihri sekitar tahun Masihi 859.
97. Selepas itu, pendidikan menjadi **lebih berstruktur dan formal**. Universiti tertua di dunia barat merupakan **Universiti Bologna (1088)**. Tidak lama kemudian **Universiti Oxford** ditubuhkan pada tahun **1096** menjadikannya universiti menggunakan bahasa inggeris tertua di dunia. Sebagai perbandingan, **Universiti Harvard** diasaskan pada **1635**.
98. Sepertimana yang boleh dilihat, pendidikan formal dan berstruktur telah wujud lebih daripada 1000 tahun.
99. Kini, **teknologi telah mengubah dunia pendidikan** daripada berbentuk tidak formal kepada formal. Dan evolusi pendidikan seterusnya merupakan **FLEKSIBEL**.
100. Pada saya, pendidikan fleksibel:
- a. Bersifat **antara-bidang (*interdisciplinary*)**;
 - b. Bersifat **antara-universiti & pelbagai-IPT (*interuniversity*)**;
 - c. Bersifat **tempatan dan juga antarabangsa (*localised yet globalised*)**;
 - d. Membenarkan **mobiliti pelajar** dan **pendidik**; dan
 - e. Membenarkan **pengiktirafan bersama** bagi kursus oleh pelbagai IPT.
101. Pendidikan fleksibel mengiktiraf pendekatan **pembelajaran di alam maya (MOOCs)** dan pada masa yang **sama, pembelajaran secara bersemuka (face-to-face)**

102. Cuba hadirin bayangkan:
- Pada suatu hari nanti, seorang pelajar jurusan sains bernama Radhi akan mengambil kelas sains alam sekitar 101 di Universiti Sains Malaysia. Semester 2, dia mengambil kelas sains alam sekitar 201 di Universiti Malaya.
 - Pada semester seterusnya dia memasuki kelas keusahawanan yang disampaikan melalui kaedah MOOCs (Massive Open Online Courses) yang ditawarkan oleh Sunway University.
 - Sebagai tambah nilai, Radhi mengikuti kursus kemahiran membaiki kereta solar di Politeknik Ibrahim Sultan.
 - Radhi juga telah ke Kolej Komuniti Bayan Baru untuk belajar **gamifikasi**.
 - Di akhir tempoh pengajian, Radhi mendapat ijazah yang diiktiraf dan dikeluarkan bersama oleh kesemua institusi tersebut.**
103. **Contoh di atas menggambarkan betapa uniknya pengalaman yang boleh ditawarkan IPT melalui PENDIDIKAN FLEKSIBEL. Oleh itu, pendekatan PENDIDIKAN FLEKSIBEL perlu diterokai dan dilaksanakan secara terancang, menyeluruh dan strategik mulai tahun 2016.**
104. Dalam hal ini juga, peranan MQA menjadi begitu penting dalam menyokong hasrat pendidikan fleksibel tanpa kompromi dalam aspek jaminan kualiti dan akreditasi. Keterbukaan MQA dalam hal ini amatlah dihargai.
105. **Sukacita saya mengumumkan bahawa MQA telah diberi mandat untuk melaksanakan inisiatif “MOOCs plus Credit Recognition and Transfer”. Ini akan membolehkan semua kursus MOOCs dari Malaysia dan luar negara didaftarkan ke dalam platform MOOCs Malaysia dan diberikan kredit, dan kredit ini boleh dipindahkan untuk tujuan penganugerahan sijil, diploma dan ijazah.**
106. **Inisiatif ‘pengkreditan MOOCs ini’ akan menjadikan pendidikan tinggi Malaysia lebih fleksibel dan terbuka serta mampu menarik lebih ramai pelajar Malaysia dan juga pelajar dari pelusuk dunia. Polisi ini akan menjadi polisi utama negara dan bakal menjadi yang pertama di dunia seumpamanya.**
107. **Sukacita juga saya mengumumkan bahawa MQA akan mula memperluaskan pelaksanaan program APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning) untuk tujuan penganugerahan kredit. Dan akan bakal dikenali sebagai APEL (C)**
- Pelaksanaan APEL(C) akan membolehkan pelajar mendapat pemindahan kredit dari pengalaman kerja.
 - APEL(C) akan membolehkan graduan memilih tempoh pengajian sendiri yang lebih fleksibel.

(G) MOVING FORWARD 2016 – GAMIFICATION

108. Pendekatan kepada **pendidikan fleksibel** dapat ditingkatkan melalui inovasi yang di kenali sebagai **gamifikasi** ataupun **gamification**.

109. Gamifikasi merupakan pendekatan yang menggunakan kaedah permainan (seperti *video game*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Gamifikasi menjadikan proses **P&P menjadi lebih menarik, interaktif dan engaging.**
110. Menurut kajian daripada **University of Mississippi**, pelajar yang belajar matapelajaran sejarah melalui gamifikasi **menunjukkan minat yang lebih tinggi dan penglibatan lebih aktif dalam matapelajaran tersebut.**
111. Pada masa yang sama, pasaran dan permintaan untuk menghasilkan perisian *gamification* dijangkakan mencecah **USD 2.8** bilion pada tahun 2016, dan **USD 5.5 bilion** menjelang tahun 2018. Perkembangan ini haruslah diberi perhatian oleh semua pihak kerana boleh menjadi sumber dana yang lumayan.
112. Saya suka menyarankan supaya satu inisiatif dibentuk di kalangan mereka yang berkebolehan untuk membangunkan gamifikasi, dengan menerapkan nilai dan budaya tempatan supaya kaedah ini, di samping berjaya dijadikan alat P&P ia juga dapat memberi kefahaman masyarakat pelajar terhadap nilai budaya dan identiti negara.
-

(H) MOVING FORWARD 2016 – MENGIKTIRAF KEUNGGULAN GLOBAL PENDIDIKAN TINGGI

113. Sepertimana yang telah saya katakan sebelum ini, pendidikan pada depan berciri fleksibel dan berasaskan teknologi.
114. Satu lagi elemen penting masa depan pendidikan tinggi ialah sifat globalnya.
115. Di sini ada 2 perkara untuk disentuh:
- a. Pertama, **Pendidikan perlu bersifat pelbagai bahasa (*multi-lingual*)**
 - b. Kedua, **Pendidikan perlu bersifat pelbagai bidang (*multi-disciplinary*)**
 - i. Bayangkan seorang doktor yang juga layak dalam bidang shariah, ataupun seorang juruterbang yang layak dalam bidang undang-undang ataupun **jurutera yang juga akauntan bertauliah.**
 - ii. Melahirkan pelajar berkemahiran pelbagai-bidang bukanlah sesuatu yang baru, dan sebenarnya merupakan perkara biasa sejak zaman dahulu lagi.
 - iii. **Ibn Sina**, salah seorang pemikir terhebat zaman kegemilangan Islam, juga dikenali sebagai seorang doktor dan pakar falsafah, dan selalu menulis dalam bidang austronomi, geografi, matematik dan sajak.
 - iv. Saintist terkenal, **Albert Einstein** juga pernah menerbitkan lebih 150 penerbitan dalam bidang falsafah.
116. Sehubungan itu, IPT perlu melihat semula reka cipta kurikulum mereka supaya berbentuk *multi-lingual dan multi-disciplinary.*
-

(I) **KESEPUNYAAN**

117. Demi menjayakan pendekatan pendidikan FLEXIBEL, **kerangka pemikiran yang baru** dalam konteks pendidikan tinggi diperlukan.
118. Dalam hal ini, **konsep kesepunyaan** ataupun "**commonality**" perlu dihargai.
119. Kesepunyaan merujuk kepada keadaan di mana **setiap IPT, daripada Universiti Awam dan Swasta, hinggalah ke Politeknik dan Kolej Komuniti, dilihat sebagai ahli-ahli dalam satu ekosistem yang lengkap.**
120. Kesemua ahli ini:
- boleh **berganding bahu menyampaikan pengalaman pembelajaran yang unik,**
 - boleh **berkongsi sumber insan dan kewangan,**
 - boleh **menjalankan penyelidikan berimpak tinggi bersama-sama,**
 - boleh **mengeluarkan sijil, diploma dan ijazah bersama; dan**
 - boleh **bekerjasama demi kebaikan keseluruhan dan bukan sahaja kebaikan seseorang.**
121. Asas kesepunyaan adalah saling **hormat-menghormati** dan **keserakanan (collegiality).**
122. Kesepunyaan ini bukan sahaja akan membolehkan penjimatan kos, tetapi membolehkan **pengoptimuman sumber.**
123. **Saya percaya bahawasanya dengan pendekatan kesepunyaan, pendidikan tinggi negara akan menjadi antara yang terbaik di dunia.**
-

(J) **PENUTUP**

124. Saya berharap bahawa semangat menerokai **Pendidikan Fleksibel** tersemai di qalbu hadirin.
125. Secara peribadi, saya benar-benar mempercayai bahawa **Pendidikan Fleksibel** merupakan hala tuju masa depan pendidikan tinggi negara dan juga dunia.
126. Dengan adanya **teknologi**, maka berubahlah landskap pendidikan tinggi.
127. Dengan **gamifikasi**, maka lebih dinamiklah P&P.
128. Dengan **kesepunyaan**, maka bersatulah IPT.
129. Dan dengan **pelajar** yang **pelbagai-bahasa (multi-lingual)** dan **pelbagai-bidang (multi-disciplinary)** serta terlibat dalam aktiviti **kesukarelawanan**, inshaAllah, pendidikan tinggi negara akan terus Soaring Upwards pada tahun 2016.
130. Saya juga sekali lagi ingin menyatakan bahawa **saya dan Kementerian komited dan akan pastikan rakyat Malaysia mendapat sistem pendidikan yang terbaik.**
131. Marilah kita bersama-sama berdoa kepada Allah S.W.T agar segala perancangan dan pelaksanaan dapat direalisasikan.

Selamat menjalankan tugas dan selamat maju jaya.
Sekian, wassalam dan terima kasih.